

Sejarah Penulisan Jawi di Terengganu Sebelum 1957¹

Berhanundin Abdullah
Zainab Abdullah
Zurita Mohd Yusoff
Najmiah Omar

Abstrak

Sejarah tulisan Jawi adalah satu seni yang diwarisi rakyat Terengganu. Penggunaan tulisan Jawi telah membawa impak yang besar ke arah cara hidup dan mentaliti rakyat. Ia telah digunakan sepenuhnya dalam menyebarkan pendidikan dan penulisan oleh para ulama dan saintis Islam dalam penerbitan buku seperti buku-buku agama Islam, undang-undang, karya sastera dan seni ukiran. Masyarakat sangat berbangga dengan usaha mereka dan menggunakan tulisan jawi sehingga kini sebagai rujukan dan dokumentasi. Artikel ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu dan rakyat Malaysia untuk menghargai tulisan jawi dalam usaha mengekalkan keaslian warisan tulisan Melayu.

Kata kunci: tulisan; Jawi; Terengganu.

Abstract

The history of Jawi script is an inherited art of the Terengganu people. The use of the Jawi script has brought a significant impact towards the way of life and mentality of the people. It has been fully utilized in spreading education and writing by the Muslim scholars and scientists in producing books such as Islamic religion books, law, literary works as well as intricate hand-made carvings. Society has highly commended effort and has used the Jawi script up to now as references and documentation. This article aims to raise awareness among Malaysians and Malay society to appreciate the Jawi script in an effort to preserve the originality of the Malay script heritage.

Keywords: Jawi script; Terengganu.

Pengenalan

Sejarah bermulanya penulisan Jawi di Terengganu dikenalpasti setelah terjumpa batu bersurat di Kuala Berang yang ditulis dalam tulisan Jawi. Tarikh 1303M menunjukkan masyarakat Melayu telah mengenali tulisan Jawi sebagai tulisan yang digunakan dalam pengajian agama. Tulisan Jawi telah menjadi tulisan rasmi kerajaan Terengganu sehingga sebelum

¹ Artikel ini berasal daripada laporan penyelidikan yang dijalankan oleh para penulis pada tahun 2007, bertajuk Kehebatan Tulisan Jawi dalam Memertabatkan Tamadun Islam di Malaysia: Satu Kajian di Negeri Terengganu.

Tanah Melayu mencapai kemerdekaan iaitu 1957. Penulisan Jawi di Terengganu telah dikembangkan sebelum tahun 1303M, berdasarkan penemuan batu bersurat Terengganu 1303M. Bahan sejarah yang penting mengenai penggunaan tulisan Jawi di Terengganu dapat dilihat pada Batu Bersurat di Kuala Berang, Terengganu yang bertarikh hari Jumaat 4 Rejab 702H atau 22 Februari 1303M (al-Attas 1970, 24). Tulisan Jawi ini pula disesuaikan dengan sebutan perkataan Melayu dan ditambah beberapa huruf istimewa bagi melengkapkannya. Tulisan Jawi digunakan secara menyeluruh dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah agama, sekolah kebangsaan, pondok, masjid dan surau. Tulisan ini turut digunakan dalam penulisan, terjemahan dan tahqiq kitab, pengajaran, urusan pentadbiran, karya kenegaraan dan undang-undang, koleksi peribadi, siaran akhbar dan majalah serta dalam ukiran khat.

Tulisan Jawi

Penulisan huruf bagi ejaan perkataan dalam bahasa Melayu dari huruf Kawi dan Nagari yang berbentuk seakan-akan perlambangan seperti tulisan Tamil dan Cina telah digantikan dengan huruf Arab. Huruf ini dikenali sebagai huruf Jawi. Kata Jawi berkait rapat dengan panggilan Jawi yang digunakan oleh orang-orang Arab terutamanya di Mekah terhadap bangsa Melayu dari Malaysia, Indonesia dan Thailand. Perkataan ini adalah kata sifat yang disandarkan kepada orang-orang Melayu yang berasal dari Tanah Jawa. Terdapat pandangan seperti pendapat Yaqut (t.th.191) yang menyebut bahawa perkataan Jawi adalah berasal daripada perkataan Arab yang menyebut al-Jawah untuk menamakan Pulau Sumatera, berdasarkan catatan Arab yang tertulis sebelum pertengahan abad ke-14. Pendapat ini disokong oleh Ibn Batutah (t.th., 617) seorang ahli pelayaran Islam pertama (1304-1377) sebagaimana juga yang dipetik oleh Marsden (1812, xv) bahawa tulisan Jawi boleh dikaitkan dengan perkataan Jawa, yang merupakan hasil penamaan orang Arab kerana masyarakat di Pulau Sumatera ini terdiri daripada masyarakat Melayu yang menggunakan tulisan Jawi pada artifak dan penulisan sastera.

Fakta ini menunjukkan bahawa huruf Jawi itu dinamakan oleh orang Arab untuk merujuk kepada huruf ejaan yang digunakan oleh orang Kepulauan Melayu yang beragama Islam dan menggunakan bahasa Melayu. Huruf Jawi itu diperkenalkan oleh pendakwah Islam untuk membolehkan mereka membaca al-Quran dengan tepat, menyebut laras bahasa Melayu yang betul, menggunakan istilah Arab pada perkataan tertentu dan menelaah berbagai-bagai kitab dalam pelbagai bidang ilmu.

Oleh itu tulisan Jawi adalah tulisan yang diperkenalkan oleh para pendakwah dari Tanah Arab yang menyerupai tulisan Arab. Shellabear (1901, 77) menyatakan bahawa orang Melayu menerima tulisan Jawi ini secara langsung daripada orang Arab, dan orang Arablah yang mula-mula menggunakan tulisan ini untuk menulis bahasa Melayu yang seterusnya dikenali dengan nama tulisan Jawi.

Penulisan Jawi di Terengganu

Menurut keterangan yang dikemukakan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1969, 12) bahawa kedatangan Islam ke Tanah Melayu menjadikan bahasa Melayu turut mengalami proses pengislaman termasuk bentuk tulisan. Proses ini berlaku di Terengganu sebagai satu budaya untuk membolehkan masyarakat menerima ajaran Islam dan ilmu pengetahuan dengan sempurna sebagaimana catatan pada batu bersurat yang ditemui di Kuala Berang. Budaya penulisan masyarakat di Terengganu telah menjadikan tulisan Jawi sebagai tulisan rasmi kerajaan negeri sejak abad ke-13M hingga pertengahan abad ke-20M dan menjadi budaya warisan Terengganu yang asli. Pedagang-pedagang Eropah, Cina dan India yang datang berniaga di Terengganu menggunakan bahasa Melayu dan menerima tulisan Jawi sebagai tulisan rasmi. Semua bentuk perjanjian, dokumen, surat izin dagang, dan surat-surat urusan rasmi kerajaan Melayu dengan kuasa asing ditulis dalam tulisan Jawi (Arkib Negara, S.T. 209/1357).

Masyarakat Terengganu menggunakan huruf Jawi berdasarkan huruf-huruf Arab dengan beberapa pengubahsuaian dan tambahan mengikut sebutan bahasa Melayu. Huruf-huruf ini mengekalkan identiti tulisan yang menggambarkan seni kesusasteraan Terengganu. Winstedt (1961, 139) menyatakan bahawa huruf Jawi ini dicipta sebagai menggantikan huruf Kawi dan Nagari yang berasal dari tamadun Hindu. Penemuan Batu Bersurat di Terengganu menjadi bukti kukuh yang menunjukkan bahawa tulisan Jawi digunakan dalam menjejak perkataan Melayu dan telah diterima oleh masyarakat. Tulisan Jawi pada batu bersurat itu digunakan untuk menjelaskan asas-asas ajaran Islam yang meliputi syahadah keimanan kepada Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w., amal ibadat, undang-undang Islam, peraturan kekeluargaan dan kemasyarakatan yang diamalkan pada ketika itu. Proses pengajian dan pengajaran agama yang berlaku di Terengganu dikembangkan melalui tulisan Jawi. Perkembangan tulisan Jawi di Terengganu telah disebarkan melalui penulisan kitab-kitab agama, karya sastera, sastera rakyat, sastera hikayat, epik, sejarah, undang-undang, prosa dan puisi klasik. Selain daripada itu perkembangan tulisan Jawi menjadi lebih pesat kerana selalu digunakan dalam pembacaan dan penghayatan al-Quran yang sangat ditekankan oleh masyarakat Melayu. Dengan lain perkataan, tulisan Jawi mempunyai kaitan yang sebatu dalam bidang keagamaan (Berhanundin 2007, 9).

Negeri Terengganu bukan setakat menjadi negeri pertama menerima tulisan Jawi, malah membuktikan penggunaan dan perkembangan agama Islam di negeri itu sehingga pertengahan abad ke-13H atau 19M. Abdullah Munshi (1965, 32) menjelaskan dalam lawatannya ke negeri ini bahawa beliau mengagumi keindahan tulisan Jawi masyarakat Terengganu dan keelokan bacaan al-Quran penduduk-penduduknya. Kenyataan ini menggambarkan bahawa penggunaan tulisan Jawi sudah meluas dalam masyarakat sehingga dikaitkan perkembangan ilmu pengetahuan dan keupayaan masyarakat menulis atau membaca dengan pengajian al-Quran.

Pada peringkat awal, tulisan Jawi di Terengganu digunakan untuk belajar kitab-kitab agama dalam sistem pengajian di pondok-pondok dan masjid-masjid, menyalin, mengarang dan memberi tafsiran kepada pengajaran agama oleh ulama-ulama tempatan. Dalam penulisan perkataan dalam bahasa Melayu, huruf-huruf Arab digunakan. Bagi mendapat sebutan yang tepat dengan bunyi sebutan bahasa Melayu, huruf-huruf Parsi digunakan sebagai tambahan (Shellabear 1901, 103) seperti *ca*, *ga*, *nga*, *pa* dan *nya* sebagaimana terdapat pada batu bersurat Terengganu 1303M tersebut.

Penggunaan Tulisan Jawi dalam Penulisan Kitab

Penggunaan tulisan Jawi pada peringkat awal bertujuan mengembangkan asas-asas ajaran Islam seperti konsep ketuhanan, ibadat dan hukum-hakam dalam Islam. Tulisan Jawi digunakan untuk menulis dan menterjemah kitab-kitab agama dari bahasa Arab. Tulisan Jawi dalam penulisan kitab di Terengganu bekembang pesat sejak abad ke 16M. Sayyid Muhammad bin Zainal Abidin bin Hussain bin Mustaffa al-Idrus (Tok Ku Tuan Besar), seorang ulama Terengganu banyak menulis kitab seperti *Tarhib al-Sibyan fi Hifzi 'Aqaid al-Iman*, *Diya' Uquud al-Durratain fi Tarjamat kalimatain al-Syhadatain*, *Mukhtasar*, *Sullam al-Tawfiq*, *Kanz al-'Ula (Peri Hidup Rasulullah)*, *Sirah al-Nabawiyyah (Sejarah Nabi)*, *Jawahir al-Saniyyah*, *al-Durrah al-fakhirah*, dan *Tahiyat al-Wildan* (Shafie Abu Bakar 1989, 23-24). Penghormatan dan gelaran kepada peranan Tok Ku Tuan Besar dalam penulisan kitab-kitab berunsur Islam telah mendorong ahli sejarah tempatan menggelarkannya sebagai Bapa Kesusasteraan Terengganu.

Syeikh Abdul Malik bin Abdullah bin Abdul Qahar (m. 1736M ketika berusia 70 tahun) dikenali sebagai Tok Pulau Manis merupakan seorang tokoh ulama Terengganu yang memberi pengajaran ilmu tasawuf menurut al-Sunnah wa al-Jamaah. Beliau menterjemah dan mentahqiq dengan tulisan Jawi sebuah karya sufi yang amat terkenal iaitu kitab *al-Hikam* karangan Imam Taj al-Din bin Ata' Allah al-Iskandari (Harun 2000, 430). Satu lagi

edisi kitab *al-Hikam* disunting dalam tulisan Jawi oleh Haji Engku Ali bin Engku Endut. Haji Wan Abdullah atau Haji Wan Mohd Amin (Tok Sheikh Duyong) menulis, menterjemah dan mentahqiq kitab dengan tulisan Jawi dalam pelbagai bidang ilmu Islam. Kitab-kitab ini digunakan oleh beliau dalam pengajaran dan rujukan semasa menjadi Sheikhul Islam di Terengganu.

Terdapat 74 buah buku (manuskrip) di dalam simpanan Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu / Pahang, milik Tok Syekh Duyong disusun dalam sembilan kotak (Arkib Negara 2004, 4-5). Sebahagian daripada manuskrip itu ditulis oleh murid-muridnya. Kesemua kitab ini merupakan hasil tulisan tangan dalam tulisan Jawi. Penulisan kitab disusun dalam sembilan kotak seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Susunan sembilan kotak kitab dan kandungannya

Bil	Kotak	Kandungan
1.	Kotak 1	Sharah al-Muqaddimah – Min Ta'alif Mohd bin Sulaiman al-Qurdi; Juzu' Thalith Min Hashiah – al-Sheikh Bujairumi; Kitab Alfiah – Mohd Soleh; Tulisan Hukum Fekah – Perempuan Berumah Tangga; Kitab Nahu – 1118H.
2.	Kotak 2	Tamhid Fi Bayan al-Tauhid – Muharram 1226H; Kitab Fekah; al-Futuhah al-Wahbiah Bisharah al-Arbain al-Nawawiah al-'Alam al-'Alamah – Sheikh Ibrahim Ibn Mae'ie; Kitab Tauhid – 1238H; Fekah Melayu Bab Sembahyang; Sharah al-Zanjani Fi Saraf al-Sheikh al-Alamah Ustaz Fadhil Abu Hassan Ali Ibn al-Hisham al-Kailani al-Shafie; al-Matlab al-Tama al-Sawiyi ala Hizb al-Imam Nawawi – Rabiul Akhir 1440H; Kitab al-Ghazah al-Usul ila Ilm al-Fusul – Abi Yahya Zakaria al-Ansari al-Shafie; Kitab al-Wafi Bi Halli al-Kafi fi Ilm al-Urud wa al-Khowafi min al-Mubiqat – al-Alam al-Allamah al-Sheikh Abd. Rahman Ibn Isa Ibn Marshad al-Hanafi.
3.	Kotak 3	Kitab Tafsir yang disusun mengikut surah.
4.	Kotak 4	Kitab Fekah – Ibrahim bin Mohd Ibrahim 1240H.
5.	Kotak 5	Kitab al-Sharh; Kitab Minhaj al-Abidin – Imam al-Ghazali 1241H – atas arahan Abd Rahman bin Sultan Zainal Abidin; Hashiah al-Alam al-'Allamah al-Hubr al-Bahr al-Fahamah al-Ustaz Sheikh al-Islam al-Baijuri ala Matan al-Sanusiah Rahimahullah Ta'ala 1298H; Kitab Hadith 40; Mukhtasar Bukhari; al-Farqu Baina al-Hayat al-Mustamirrah wa al-Farqu Baina Mustaqirrah; Kitab Fekah disalin alih oleh Ahmad Osman 1256H; Muratib al-Wujud – al-Sheikh al-Kamil al-Muhaqqiq Abd Karim al-Jailani; Kitab Arab Tulisan Tangan Tok Sheikh Duyong; Kitab al-Iqna' – 1234H).
6.	Kotak 6	Fadilat-fadilat (tajuk tak dapat dikesan); Kitab Berzanji disalin oleh Haji Ismail bin Abdullah al-Sawi; Ittihaf al-Murid bi Jauharah Tauhid 1225H; Kitab Ummu Barahim – Mohd ibn Yusof – Syaaban 1170H (Mekah); Sharah Sheikh al-Alam al-Allamah Muhammad bin Qasim al-Razi; Juzu Awwal min Hashiah al-Bujairumi ala Sharah al-Khatib; Catatan Hukum dan Perbicaraan – Tok Sheikh Duyong; al-Mubtadi Bisharah al-Murtadi; Kitab al-Adha al-Bahjah fi Abras Daqaiq al-Munfarijah Imam al-Allamah al-Hubr al-Bahr al-Fahamah Sheikh Zakaria al-Ansari – 1228H; Kitab Hukum dan Perbicaraan – Tok Sheikh Duyong; Kitab Hikam – Muharram 1252H; Israk Mikraj; Kitab Fekah).

7. Kotak 7 (Bayan fi maani Tajwid wa Hukmuhu – Wan Sulaiman; Kitab Nahu – Isnain/ Zulkaedah 1330H; Kitab Tajul Urus – Athoillah 1291H; Kitab Tasawuf – 12 Syaaban 1224H; Tanbih – Nasihat untuk Raja-raja; Sharah al-Jauhariyyah fi Sharah al-Durah al-Bahiyah Nazam al-Ajrumiyah; Bab Sembahyang – Tok Sheikh Duyong; Kitab Doa dan Asma al-Husna; Adab Persembahan Raja dan Catatan Bujairumi 1300H – Dato' Kamal Wangsa; Kitab Arab Dan Zikir – Bahasa Melayu; Tafsir al-Manar – Ibn Sirin; al-Meerath Taalif al-Sheikh Najamuddin al-Ghaisi; Juzu' Thani Min Hashiah al-Bujairumi.
8. Kotak 8 (Kitab Kauras / Fekah; Kitab Fekah; Kitab Minhaj al-Abidin – al-Imam al-Ghazali – manuskrip tulisan tangan; Kitab Zakat – tiada tajuk; kitab tulisan tangan (berkaitan Fekah) tiada tajuk – Tok Sheikh Duyong; Kitab Fathul Rahman Ma'a Kitab Targhib al-A'mal fi Bayan al-Solat – Tok Sheikh Duyong; Nisfu Syaaban; Kitab Nasihat – Bahasa Melayu/ Jumaat 26 Zulkaedah; al-Mukhtasar Fi Mulamah al-Mahdi al-Muntazor – bahasa Melayu; Catatan Perbicaraan oleh Tok Sheikh Duyong – 1259H; kitab tulisan tangan (tiada tajuk) – tahun 1343H; Kitab Sheikh Abdullah al-Jawi (tajuk tak dapat dikesan); Kitab berkaitan Akidah (tulisan tangan) tiada tajuk; Kitab Tasawuf – bahasa Melayu; Tafsir al-Quran – terjemahan bahasa Melayu).
9. Kotak 9 Jadual li Tawarikh wa al-Buruj wa al-Manazil li al-Allamah al-Sheikh Abd Wahab ibn Sheikh Mustafa al-Nihas al-Shafie; Sifat 20; Kitab Musammah Sharah Bayan al-Tashdiq; Kitab Nuhjah al-Mardhiah fi Sharah al-Fiah – Imam Malik/ khamis/ Rabiul Awal 1234H; Kitab Adab al-Qudha; Kitab Sharah Murshid al-Salikin; Kitab Sharah al-Qawaid; Hazih Hashiah Syed Abd Rauf al-Makie'ei al-Shafie Ala Sharah Shihabuddin al-Shafie; Hazih Muqaddimah Fi Yaum Ashura – Taalif al-Sheikh Ali al-Jauhari al-Malikiyyi; Kitab Mujarabat al-Sheikh Imam Abu Abdullah Muhammad bin Yusoff al-Sanusi; Kashfu al-Tibyan al-Imam al-Ghazali; Mu'jam al-Wajiz min Ahadis Rasul al-Aziz al-Said – Abdullah al-Mirari; Tuhfah al-Muhtaj – bi Sharah Ibn Hajar; Kitab Sheikh Daud Fatani (disalin semula oleh Tok Sheikh Duyong – tanpa tajuk); Kitab Sharah Munfarijah al-Musamma bi al-Adwail al-Bahjah fi Abrax Daqaiq al-Munfarijah Ibn Yahya Zakaria al-Ansari.

Penggunaan Jawi dalam Pengajaran

Tulisan Jawi berfungsi sebagai pengantara dalam mengembangkan ilmu pengetahuan, meniup semangat kebangsaan dan perjuangan serta menghurai nilai peradaban Islam bagi orang Melayu. Perkembangan ilmu pengetahuan Islam menerusi penguasaan tulisan Jawi bermula dari kedatangan Islam ke Terengganu.

Penggunaan tulisan Jawi pada peringkat awal mengalami perubahan pesat melalui sistem pengajaran dan pengajian agama sama ada di pondok, sekolah agama, sekolah kebangsaan atau masjid. Masyarakat pada masa itu terdedah secara langsung dengan tulisan Jawi kerana keseluruhan buku pengajaran yang digunakan sepanjang pengajian dan pembelajaran adalah bertulisan Jawi. Pengajian al-Quran juga menggunakan tulisan Jawi. Pondok pertama yang mengamalkan sistem pengajian Islam secara sistematik diasaskan oleh Tok Pulau Manis (sejak kurun ke-17). Berpandukan pengalaman dalam pengajian di Mekah dan Madinah, beliau membuka sebuah pondok di Pulau Manis sebagai tempat pengajaran dan ibadat yang didatangi oleh pelajar-pelajar dari jauh dan dekat (Muhammad

Abu Bakar 1991, 59). Kesemua bahan rujukan adalah bertulisan Jawi dan catatan hasil pembelajaran pula dicatat dalam tulisan Jawi.

Usaha dan perjuangan ini diteruskan oleh murid-muridnya dan ulama terkemudian dengan penubuhan beberapa buah pondok seperti Pondok Haji Zainal Abidin di Dungun, Pondok Haji Ali di Atas Tol, Pondok Haji Wan Abdul Latif di Besut, Pondok Hj. Abbas di Tok Jiring, Pondok Haji Kadir di Bukit Bayas dan Pondok Haji Shafie di Losong. Penubuhan pondok-pondok ini menyebabkan Islam dan penggunaan tulisan Jawi dapat disebar dengan lebih meluas. Usaha untuk mengembangkan tulisan Jawi ini diteruskan dalam sistem pendidikan di sekolah Melayu yang baru ditubuhkan sekitar tahun 1912 hingga 1916. Pada tahun 1912, sistem pendidikan formal mula diperkenalkan dengan penubuhan tiga buah sekolah iaitu Sekolah Melayu Kampung Keling, Sekolah Melayu Kampung Petani dan Sekolah Melayu Paya Bunga. Pada tahun 1915, ditubuhkan pula Sekolah Melayu Banggol Kuala Terengganu dan Sekolah Melayu Kg. Raja Besut. Pada tahun 1916 pula Sekolah Melayu Cukai Kemaman ditubuhkan (Muhammad Salleh 1983, 170). Pengajian pada masa ini menggunakan tulisan Jawi dalam semua mata pelajaran termasuk matematik dan sains. Tulisan Jawi juga dipelajari oleh orang bukan Islam. Ini terbukti dengan pengakuan seorang peminat tulisan Jawi berbangsa Cina, iaitu Ang Hui Jin yang berusia 82 tahun di Setiu. Melalui temuramah yang diadakan di rumah beliau, beliau menceritakan:

“Saya menguasai Jawi semasa bersekolah di Sekolah Melayu (Kebangsaan). Penguasaan Jawi menyebabkan saya boleh berkomunikasi, menulis Jawi dan memahami ajaran Islam serta budaya Melayu dengan baik”

(Ang Hui Jin, 2006).

Kitab-kitab agama, kesusasteraan dan kemasyarakatan yang dijadikan bahan bacaan di pondok, surau, masjid dan madrasah ditulis dalam tulisan Jawi dengan banyak mengekalkan istilah Arab meskipun ia telah diterjemah atau ditahqiqkan daripada bahasa Arab. Menurut Shafie Abu Bakar (1997, 2), kesan daripada pengaruh tulisan Jawi, penguasaan dalam pengajian al-Quran dalam kalangan masyarakat Terengganu sangat tinggi dan ramai yang dapat membaca dengan baik. Penggunaan jawi sama ada secara langsung dalam pengajian agama di institusi pondok dan sekolah kebangsaan atau tidak langsung dalam pembacaan buku-buku dan karya ulama telah berkembang dan mendapat sambutan masyarakat Terengganu.

Penggunaan Tulisan Jawi dalam Urusan Pentadbiran

Sebelum tahun 1919, pihak British melalui ejen British di Terengganu cuba membawa satu bentuk tulisan baru iaitu tulisan Rumi yang ditulis dalam banyak perjanjian yang telah diadakan (Berhanudin 2009, 72; 75; 80) tetapi tidak mendapat layanan dari masyarakat. Masyarakat kekal menggunakan tulisan Jawi sebagai tulisan utama sehingga tahun 1921 sebagaimana perintah dari pihak pemerintah Terengganu yang dikeluarkan oleh Istana Sultan Terengganu yang ditahkkan oleh Sultan Zainal Abidin III, sultan yang ke-11 memerintah Terengganu (Arkib Negara, S.T. 209/1357).

Di Arkib Negara Cawangan Terengganu / Pahang juga tersimpan fail-fail yang berkaitan dengan hal ehwal Islam, permasalahan masyarakat Islam dan urusan kekeluargaan bertulisan Jawi yang digunakan oleh pihak pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu seperti (Arkib Negara, t.th., 2-7):

1. *Fail-fail Pejabat Istana Terengganu*

Fail-fail yang tersimpan di sini sebanyak 4,185 buah fail yang mencakupi urusan pentadbiran kerajaan negeri, pentadbiran hal ehwal agama Islam, permasalahan kemasyarakatan, persoalan keselamatan dalam negeri dan hal berkaitan kaum kerabat sultan yang terhampir.

2. *Fail-fail Pejabat Menteri Besar Terengganu*
Terdapat 470 buah fail bertarikh sekitar 1930an dalam tulisan Jawi terhimpun dalam kumpulan fail ini yang berkaitan dengan Islam di negeri Terengganu. Antaranya ialah mengenai jawatan mufti, peraturan berkaitan tanah wakaf dan peraturan mengenai wang zakat.
3. *Fail-fail Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu*
Di dalam kumpulan fail-fail SUK Terengganu terdapat 60 buah fail yang berkaitan dengan Islam. Fail yang bertarikh antara 1915-1950 ini mengandungi surat-menyurat dan dokumen-dokumen yang meliputi pelbagai subjek mengenai Islam di Terengganu. Antaranya termasuklah peraturan membayar zakat, perantakan imam-imam dan bilal-bilal masjid, aktiviti pada bulan puasa, khairat masjid, urusan baitulmal, hal-hal perundangan Islam, urusan mahkamah syariah, aktiviti dan perkembangan sekolah-sekolah al-Quran. Selain daripada itu, terdapat juga laporan-laporan Pejabat Agama dan Pejabat-pejabat Kadi yang mendedahkan maklumat mengenai aktiviti berkaitan dengan Islam. Semua dokumen ini dalam tulisan Jawi. Sebahagian besar daripadanya masih berada dalam keadaan baik dan mudah dirujuk.
4. *Fail-fail Pejabat Penasihat British Terengganu*
Dalam kumpulan fail pejabat Penasihat British Terengganu, terdapat 24 buah fail yang sedikit sebanyak ada kaitan dengan agama Islam di Terengganu yang ditulis dalam Jawi. Fail-fail ini bertarikh dalam lingkungan tahun 1930an hingga awal 1940an. Fail-fail tersebut meliputi pelbagai perkara yang menarik mengenai Islam di Terengganu termasuk mengenai peraturan mengupah haji, penggunaan wang baitulmal untuk pembinaan dan pembaikan masjid-masjid, perkembangan Pejabat Kadi Terengganu dan peraturan meminjam wang untuk menunaikan haji. Selain daripada itu, terdapat juga perkara-perkara mengenai prosedur merizabkan tanah untuk masjid, sekolah agama dan tanah perkuburan Islam. Di dalam kumpulan fail ini, terdapat juga maklumat-maklumat mengenai masalah pendakwaan dalam hal-hal agama, kuasa-kuasa kadi dan majistret dalam hal-hal agama Islam serta skim jawatan agama seperti mufti, kadi dan lain-lain. Satu perkara yang menarik dalam kumpulan ini adalah mengenai bagaimana Maulid al-Rasul disambut di Terengganu pada tahun-tahun zaman pemerintahan Jepun. Maklumat mengenai tokoh agama Terengganu seperti bekas mufti Dato' Kamal Wangsa serta prosedur pemilihan jawatan mufti pada tahun 1930an di Terengganu juga terdapat dalam kumpulan fail ini.
5. *Fail-fail Pejabat Hal Ehwal Agama Islam Terengganu*
Dalam kumpulan fail Hal Ehwal Agama Islam Terengganu terdapat lebih kurang 350 buah fail di setiap daerah yang bertarikh antara 1920an dan 1930an, semuanya dalam tulisan Jawi. Antaranya mengenai tanah wakaf masjid, kawasan makam Sultan Terengganu, baitulmal, masalah pembahagian pusaka dan skim gaji pegawai-pegawai agama. Selain daripada itu, terdapat juga koleksi khutbah Jumaat, penyata pungutan zakat, skim guru-guru agama dan pekeliling mengenai sembahyang Jumaat.
6. *Fail-fail Pejabat Kadi Daerah-daerah, Terengganu sebanyak 415 buah fail*
Masih terdapat banyak dokumen lama yang belum disusun dan difailkan. Jumlah yang tepat tidak dapat diperolehi. Kumpulan manuskrip ini membicarakan hal ehwal pentadbiran agama kerajaan. Sebilangan besarnya berkaitan dengan urusan dan hukum kekeluargaan seperti penceraian, nafkah keluarga, penjagaan anak dan pembahagian harta wasiat atau pusaka, semuanya dalam tulisan Jawi.

Setelah pihak British menjajah Terengganu pada tahun 1920, tulisan Rumi mula diperkenalkan dalam urusan pentadbiran kerajaan negeri. Semua laporan dan surat rasmi

ditulis dalam tulisan Rumi (Arkib Negara, S.T. 10/38). Manakala dalam perkara pentadbiran negeri dan hal ehwal agama kekal ditulis dalam Jawi. Kesan penggunaan tulisan Rumi dalam urusan pentadbiran ini sangat ketara menyebabkan tulisan Jawi mula bersaing dengan tulisan Rumi sehingga tahun 1957M. Lanjutan dari itu, tulisan Jawi semakin kurang mendapat perhatian masyarakat terutama dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah kebangsaan yang dahulunya menjadikan tulisan Jawi sebagai tulisan rasmi. Kemudian tulisan Jawi mula dihadkan dalam pengajian aliran agama dan dalam mata pelajaran agama serta sejarah Islam sahaja.

Penggunaan Jawi dalam Karya Kenegaraan dan Undang-undang

Manuskrip karya berkenaan ketatanegaraan Terengganu seperti *Kitab Adab Raja-raja di Terengganu dan Kitab Nasihat Raja-raja di Istana Terengganu* yang dikarang oleh Syeikh Duyong ditulis dalam tulisan Jawi. Syair sejarah yang terpanjang diketahui kini ialah Syair Tawarikh Zainal Abidin terdiri daripada 3,335 rangkap yang ditulis dalam tulisan Jawi oleh Tengku Dalam Kalsom Tengku Wook Khazaki pada tahun-tahun 1930an (Muhammad Yusoff 1980, 54). Syair sejarah ini menceritakan zaman pemerintahan tiga orang sultan yang memerintah Terengganu. Teks undang-undang negeri juga ditulis dalam tulisan Jawi. Umpamanya Undang-undang Tubuh bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911 (Itqan al-Muluk bi Ta'adil al-Suluk), yang diperakukan oleh Sultan Zainal Abidin III pada 2 November 1911 merupakan teks asal kepada Perlembagaan Negeri Terengganu. Sehingga kini teks dalam tulisan Jawi masih menjadi rujukan utama kepada penyelidik dan pembaca di Terengganu.

Pada zaman Sultan Sulaiman pula, keseluruhan teks undang-undang di negeri Terengganu bertulisan Jawi diwartakan dan dikuatkuasakan pada tahun 1937. Teks ini termasuk Undang-undang Penjara (Arkib Negara, S.T. 95/56), Rang Undang-undang Red Cross iaitu Palang Merah (Arkib Negara, S.T. 86/56), Undang-undang Rumah Tumpangan (Arkib Negara, S.T. 131/1356), Undang-undang Pemajak Gadai, Undang-undang Penyeliaan Tanaman Getah, Undang-undang Hutan, Undang-undang Isi Bumi, Undang-undang Galian, Undang-undang Mendaftarkan Orang-orang Asing, Undang-undang Penyakit Tanam-tanaman, Undang-undang Mengambil Balik Tanah bagi Pekerjaan Negeri, Undang-undang Pusat, Undang-undang Kastam dan Eksais, Undang-undang Shahbandar, Undang-undang Peguam dan Penulis, Undang-undang Motokar, Undang-undang Menahan Kebengisan Kepada Binatang-binatang, dan Undang-undang Ketetapan Hak Tanah (Berhanudin 2009, 247-255). Dalam bahagian ekonomi pula, antara teks undang-undang yang ditulis dalam tulisan Jawi ialah Peraturan-peraturan Wang Kerajaan Terengganu (Kerajaan Terengganu, 1937). Terdapat dua buah penerbitan berkaitan dengan Penerbitan-penerbitan Penasihat Undang-Undang Terengganu mengenai Islam di Terengganu yang dicetak dalam tulisan Jawi (Arkib Negara t.th., 8) iaitu:

1. Undang-undang Tubuh Negeri 1911 yang menyentuh secara terperinci mengenai peraturan-peraturan pentadbiran yang berasaskan kepada Islam di Terengganu.
2. Undang-undang Tubuh Negeri Terengganu 1936 yang mengandungi beberapa perkara berhubung dengan Islam seperti *Burial Enactment* dan undang-undang berkaitan dengan Kuasa Terikah.

Penggunaan Tulisan Jawi dalam Koleksi Peribadi

Tulisan Jawi menjadi tulisan rasmi pegawai kerajaan dan ulama untuk menulis sebarang maklumat untuk dijadikan koleksi peribadi mereka antaranya (Arkib Negara t.th., 8-12):

1. Manuskrip tulisan tangan Dato' Kamal Wangsa Wan Sulaiman Wan Abdullah merupakan satu koleksi yang amat menarik bagi pengkaji sejarah Islam di

Terengganu. Ia mengandungi banyak maklumat berkaitan dengan pentadbiran hal ehwal Islam dan perkembangan pendidikan di Terengganu dari tahun 1930an hingga 1950an. Beliau turut membuat catatan sejarah anak-anak tempatan Terengganu yang melanjutkan pelajaran ke Mekah dan al-Azhar, Mesir.

2. Koleksi manuskrip Tok Guru Haji Zainal Abidin Aman (Haji Bidin) pula secara umumnya mengandungi dokumen-dokumen berkaitan dengan keagamaan, politik dan ekonomi negeri Terengganu. Dalam koleksi ini terdapat banyak surat berkaitan dengan Persatuan Melayu Dungun.
3. Koleksi manuskrip Persendirian Haji Wan Latif Wan meliputi hal-hal berkaitan dengan agama Islam, pendidikan, ekonomi, politik sekitar tahun-tahun 1940 hingga 1970-an. Antara dokumen yang menarik dalam koleksi ini termasuk sukatan pelajaran Sekolah Menengah Agama (Arab) di Terengganu, senarai awal pelajar-pelajar Terengganu yang berjaya melanjutkan pelajaran ke Kolej Islam Malaya dan sejarah awal penubuhan Madrasah Ittifikiah, Besut.
4. Koleksi manuskrip persendirian Haji Mat Shafie Losong pula mengandungi surat-menyurat antara beliau dengan anak-anak muridnya di seluruh negara, catatan peribadi mengenai peristiwa-peristiwa penting di Terengganu dan salasilah keturunan beliau.

Penggunaan Tulisan Jawi Menerusi Akhbar dan Majalah

Tulisan Jawi digunakan dalam semua penulisan majalah dan akhbar yang telah disebar di seluruh Terengganu sebelum penjajahan British pada tahun 1946. Arkib Negara juga ada menyimpan banyak akhbar dan majalah lama yang dikeluarkan semenjak abad ke-19 (Arkib Negara t.th., 7). Ini termasuk akhbar-akhbar dan majalah-majalah seperti *Jawi Peranakan*, *al-Hikmat*, *al-Ikhwān Arah Kemakmuran*, *Bahtra*, *Bebas*, *Bintang Timur*, *Bulan Melayu*, *Bumiputra*, *Cahaya Pulau Pinang*, *Cahaya Timur*, *Cerita*, *Cenderamata*, *Majalah Murid*, *Majalah Guru* dan lain-lain. Dalam kumpulan ini terdapat bermacam-macam maklumat mengenai negara kita, termasuk hal ehwal Islam di Terengganu.

Masyarakat Terengganu sudah terdedah dengan bahan ini bagi mendapatkan pengetahuan semasa tentang perkembangan pendidikan, ilmu pengetahuan dan Islam. Sebagai contohnya langganan secara bulanan akhbar Melayu berjudul *Berita Malaya* dibuat oleh kerajaan Terengganu pada tahun 1943. Akhbar tersebut ditulis dalam tulisan Jawi dan diterbitkan di Kelantan yang melibatkan anak Terengganu sebagai penulis beberapa artikel, seperti Tuan Guru Haji Abbas. Akhbar itu ditempatkan di Pejabat Kerajaan dan di Istana Kolam sebagai bahan bacaan orang ramai yang mengunjungnya (Arkib Negara, S.T. 20/2603).

Penggunaan Jawi dalam Ukiran Khat

Di Asia Tenggara, tulisan khat yang digunakan pada prasasti-prasasti dipengaruhi oleh khat Kufi seperti yang terdapat di Phan-Rang dan di Gerisek. Negeri Pahang pula menggunakan khat Thuluth. Terdapat juga khat Naskhi pada beberapa batu bersurat atau prasasti. Kerajaan Negeri Terengganu juga mengenengahkan tulisan khat berbentuk Thuluth yang berukuran setinggi enam meter terletak di atas sebuah bukit yang bernama Bukit Besar, di bandar Kuala Terengganu (Abdul Rahman 2003, 254).

Di Terengganu, penggunaan seni khat Jawi begitu menonjol dan meluas jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Geran hak milik tanah, surat menyurat dengan istana, sijil-sijil darjah kebesaran negeri yang dikurniakan oleh sultan, doa-doa sultan, doa-doa rasmi majlis kerajaan kesemuanya menggunakan tulisan khat Jawi sejak zaman Sultan Zainal Abidin III hingga ke hari ini. Selain daripada kegunaan rasmi kerajaan dan istana, ia juga digunakan dalam menghasilkan iklan, sepanduk, tulisan tirai latar sesuatu majlis rasmi

(backdrop), penyediaan buku-buku program seperti majlis perujian membaca al-Quran, majlis khatam al-Quran, program membudayakan al-Quran, majlis perujian berzanji, majlis sambutan Maal Hijrah dan syarahan oleh ulama dan guru agama di masjid atau surau.

Tulisan khat juga disulam indah pada kain yang dikeluarkan sebagai hasil kraftangan seperti kain limar (Abdul Rahman 2003, 256, 269) dan kain telepok (sejenis kain bersulam emas dengan khat dari Terengganu). Ia terus berkembang selari dengan perkembangan kraftangan sehingga ke hari ini. Warisan kraftangan ini diwarisi oleh rakyat Terengganu seperti ukiran khat pada kayu bermotifkan awan larat oleh Haji Wan Su Othman, kraf songket oleh Wan Mustafa dan Atikah. Nama-nama mereka seringkali dikaitkan sebagai pengusaha yang berhasil meningkatkan kegunaan songket, anyaman dan ukiran yang bercirikan tulisan khat (Siti Zainon 1986, 242-243).

Tulisan khat terdapat dalam pelbagai bahan seperti kertas skrip, kayu, batu, logam, kain, kulit binatang, tembikar dan kulit kayu. Contoh tulisan khat pada bahan-bahan tembikar ialah seperti pada pinggan mangkuk, piring, cawan, teko, kendi air, pasu, takar, tempayan dan buyung. Keindahan tulisan khat juga boleh dilihat pada bahan-bahan yang diperbuat daripada logam, contohnya pada wang syiling, keris, pedang, cerek, pinggan, kendi air, kucur, dulang, gong, tetawak, meriam, dan sebagainya. Pendeknya, banyak alat serta perkakas yang dihiasi dengan tulisan khat. Tulisan khat ini ada yang ditulis dengan menggunakan dakwat atau bahan-bahan cecair yang lain, dan ada yang diukir, dipahat, dilakar atau dicetak (Amat Juhari 1996, 120).

Menurut Hassan (1993, 274), kehalusan khat juga didapati pada rumah bertiang 12 yang beridentiti tersendiri di Terengganu. Rumah jenis ini berasal daripada seni bina istana Sultan Terengganu. Biasanya rumah ini dibina oleh orang-orang kenamaan dan orang-orang kaya. Dinding rumah ini berbentuk dinding kembung atau lidah buaya. Di sebelah atas rumah ini terdapat kerawang-kerawang yang diukir dengan ukiran tebuk yang bermotifkan unsur geometri, flora dan ayat-ayat al-Quran atau bentuk bunga halus.

Kegiatan ukiran dan seni juga terpacat pada mata wang di negeri Terengganu. Kegiatan perdagangan telah pesat berkembang di negeri Terengganu dalam lingkungan kurun ke-16, 17 dan 18. Justeru itu, pemerintah negeri iaitu Sultan Zainal Abidin Shah I (1702-1726) telah mengeluarkan duit-duit tempatan sendiri. Jenis nilai yang digunakan pada duit syiling yang diperbuat daripada logam emas merupakan jenis nilai mas dan kupang. Apa yang menariknya, pada kedua-dua duit syiling ini terukir nama Sultan Zainal Abidin Shah menggunakan tulisan Jawi. Di sebelah belakangnya pula ditulis kata-kata pujian Khalifatul Mukminin, juga dalam tulisan Jawi. Duit-duit emas jenis nilai mas dan kupang dipercayai diedarkan dalam lingkungan masa dua pemerintahan, iaitu Sultan Zainal Abidin Shah I dan Sultan Zainal Abidin II (1793-1808) (Mohd Kassim 1990, 29-30).

Pada tahun 1907, ganti duit mula digunakan oleh Kapitan Cina yang berkuasa ketika itu. Ganti duit diperkenalkan mulai abad ke 19 di Terengganu. Lama-kelamaan, ganti duit ini diterima sebagai bayaran dalam urusan jual beli masyarakat Terengganu sehingga ke pasar-pasar dan kedai-kedai runcit. Kemudian, timbul pula ganti duit yang baru iaitu jokoh. Setiap keping jokoh dicapkan dengan nama saudagar-saudagar besar di Terengganu, yang kebanyakannya adalah berbangsa Cina. Contohnya nama Wee Sin Hee dicapkan pada jokoh tersebut dengan menggunakan tulisan Jawi (Mohd Kassim 1990, 35).

Sebagai kesimpulannya tulisan Jawi telah digunakan secara meluas termasuk dalam urusan mata wang dan ekonomi. Walaupun kedatangan orang Cina ke negeri Terengganu telah mengubah keadaan masyarakat setempat, namun pengaruh tulisan Jawi masih kekal pada mata wang yang digunakan.

Kesan Penggunaan Jawi di Terengganu

Kesan penggunaan tulisan Jawi di Terengganu telah menjadikannya sebagai tulisan rasmi kerajaan dan sistem pengajian masyarakat. Sepanjang pemerintahan Islam di Terengganu

sehingga negara mencapai kemerdekaan, keseluruhan dokumen penting ditulis dalam tulisan Jawi dan berada dalam simpanan arkib atau perpustakaan di dalam dan di luar negara termasuk di England dan Belanda.

Penggunaan tulisan Jawi menjadi dasar utama pemerintah. Kesan penggunaannya terbukti dalam sistem pemerintahan Kerajaan Islam Terengganu pada ketika itu. Antaranya semua surat menyurat yang digunakan dalam urusan pemerintahan kerajaan Terengganu adalah dalam tulisan Jawi. Ia telah diisytihar sebagai tulisan Melayu atau tulisan Islam seperti arahan yang dikeluarkan oleh Sultan Zainal Abidin III kepada seluruh kakitangan pentadbiran Kerajaan Terengganu (Arkib Negara S.T. 209/1357). Penggunaan bahasa Melayu sebagaimana yang termaktub dalam setiap watakah perlantikan pegawai dan dalam Undang-undang Tubuh bagi Diri Kerajaan Terengganu dicatatkan dalam tulisan Jawi. Bagi memastikan agenda ini tercapai, kerajaan Terengganu semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III telah mengeluarkan arahan seperti berikut:

“.....dan semua surat-surat yang berkenaan dengan jawatan hendaklah dengan tulisan huruf dan perkataan Melayu”.

(Arkib Negara S.T. 209/1357)

Kesimpulan

Berdasarkan sejarah, tulisan Jawi bukanlah tulisan yang baru di negeri Terengganu, mahupun di alam Melayu. Ia bertapak di Terengganu sebelum tahun 1303M. Kemunculan tulisan Jawi telah membuka lembaran baru bagi masyarakat Terengganu. Melalui tulisan Jawi, sistem pendidikan berkembang pesat dan hasil tulisan ulama menjadi khazanah berharga bagi penduduk Terengganu dan masyarakat alam Melayu. Pengaruh tulisan Jawi dapat dilihat dengan jelas dalam sistem pemerintahan dan pendidikan pondok. Kitab-kitab tulisan Jawi dijadikan teks dan buku bacaan utama dalam pengajian agama di surau, pondok dan masjid. Oleh kerana tiada kesedaran masyarakat pada masa itu terhadap intipati ilmu dan khazanah tersebut, banyak bahan bertulisan Jawi dalam pelbagai aspek ilmu telah terkubur tanpa dapat dikesan. Buktinya terdapat beberapa helaian daripada manuskrip asal tulisan Jawi hasil tulisan tangan para ulama Terengganu dapat disimpan di Arkib Negara. Manuskrip karangan Tok Syeikh Duyong umpamanya, banyak yang hilang dan hanya tinggal beberapa helaian tertentu yang sukar difahami maksudnya disebabkan ketiadaan kesinambungan antara bab. Selepas tahun 1957, penggunaan tulisan Jawi dalam semua aspek telah mendapat saingan tulisan Rumi. Tulisan Rumi mula digunakan secara meluas dalam semua lapangan termasuk dalam pengajaran agama Islam, perundangan Islam dan pendidikan.

Rujukan

- Abdullah Munshi, Abdullah bin Abdul Kadir. 1965. *Kesah Pelayaran Abdullah*. Singapura: Malaysia Publications Ltd.
- Abdul Rahman bin Hj.Chik Tajuddin. 2003. Perkembangan seni khat Islami dan pena khat: Persepsi dan penerimaannya dalam masyarakat Islam di Malaysia, Tesis Master Sains. Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan. Universiti Putra Malaysia. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- al-Attas, Syed Muhammad Naguib. 1969. *Preliminary Statement on a Theory of The Islamization of The Malay-Indonesia Architecture*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Attas, Syed Muhammad Naguib. 1970. *The Correct Data Terengganu Inscription*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- Amat Juhari Moin. 1996. *Sejarah Aksara Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arkib Negara. S.T. 10/38. 1338H. Berkenaan belanja hidup Yang Maha Mulia Sultan Sulaiman. Gabenor Singapura. 11.06.1920.
- Arkib Negara. S.T. 86/56. 1356H. Persembah suatu Rang Undang-undang Red Cross (Palang Merah) dan dipohonkan titah supaya dibawa ke dalam mesyuarat.
- Arkib Negara. S.T. 95/56. 1356H. Persembah suatu Rang Undang-undang Tarikat dan Surat Kuasa dan dipohonkan titah supaya dibawa ke dalam mesyuarat.
- Arkib Negara. S.T. 131/1356. 1356H. Persembah suatu Rang Undang-Undang Rumah Tumpangan mohon titah supaya dibawa ke dalam Mesyuarat.
- Arkib Negara. S.T. 209/1357. 1357H. Perlantikan Pemangku Pesuruhjaya Tanah.
- Arkib Negara. S.T. 20/2603. 1943M. Kertas Khabar.
- Arkib Negara. t.th. *Bahan Bercetak Arkib Negara Malaysia*. Cawangan Terengganu/Pahang: hlm. 2-12.
- Arkib Negara. 2004. *Bahan Bercetak Arkib Negara Malaysia*. Cawangan Terengganu/Pahang, hlm: 1-6.
- Kerajaan Terengganu. 1937. *Buku Peraturan-peraturan Wang Kerajaan Terengganu, Dimasyhurkan dengan Titah Perintah*. Termeterai di Singapura oleh Malaya Publishing House Limited.
- Berhanuddin bin Abdullah. 2007. Nilai-nilai Islam dalam seni warisan negeri Terengganu. *Prosiding Seminar Warisan Negeri Terengganu 2007*. Kuala Terengganu: Universiti Darul Iman Malaysia.
- Berhanuddin bin Abdullah. 2009. *Pemerintah dan ulama dalam menghadapi ancaman kuasa asing di Terengganu dari tahun 1888 hingga 1948*. Tesis Doktor Falsafah. Pusat Sejarah, Politik dan Strategi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Abdul Rahman Kaeh dan Jamilah Haji Ahmad. 2000. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Cetak ulang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Mohd Ghazali. 1993. *Dimensi Pendidikan Seni*. Kuala Lumpur: Pustaka Delta Sdn Bhd.
- Ibn Batutah. 2004. *Rihlat Ibn Batutah*. Cetak ulang. Beirut: Dar al-Nafais li al-Tibacah wa al-Nasyr wa al-Ta'uzic.

- Marsden. 1812. *A Grammar of the Malayan Language*. London: Crosby Lockwood and Son.
- Mohd Kassim Haji Ali. 1990. Sejarah ringkas mata wang negeri Terengganu. Dlm. Abdullah Zakaria Ghazali (Pnyt.). *Terengganu Dahulu dan Sekarang*, hlm. 29-37. Kuala Lumpur: Persatuan Arkib Negara Malaysia.
- Muhammad Abu Bakar. 1991. *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad Yusoff Hashim (Pnyt). 1980. *Syair Sultan Maulana: Satu Penelitian Kritis Tentang Hasil Persejaraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Salleh Haji Awang. 1983. *Sejarah Darul Iman hingga 1337H - 1918M*. Ulang cetak. Kuala Terengganu: Penerbitan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu.
- Shafie Abu Bakar. 1989. Perkembangan keilmuan dan kesedaran keislaman di Terengganu, PESAKA V: 1-58 .
- Shafie Abu Bakar. 1997. Sejarah Terengganu dahulu dan sekarang. *Latar Belakang Keagamaan di Terengganu*. Kuala Terengganu: Lembaga Muzium Negeri Terengganu.
- Shellabear. 1901. The evolution of Malay spelling. JMBRAS, 36(2): 75-135.
- Siti Zainon Ismail. 1986. *Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Winstedt dan Wilkinson. 1961. *Pantun Melayu*. Singapura: Malay Publishing House.
- Yaqut, Syihab al-Din Abi Abdullah bin Abdullah. t.th. *Mu'jam al-Buldan*. Beirut: Dar al-Kitab al-^oAraby.

Temubual

Ang Hui Jin. 2006. Kampung Fikri, Setiu, Terengganu. 26 Jun.

BERHANUNDIN ABDULLAH
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.
Emel: berhan@unisza.edu.my

ZAINAB ABDULLAH
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.
Emel: zainab@unisza.edu.my

ZURITA MOHD YUSOF
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.
Emel: zurita@unisza.edu.my

NAJMIAH OMAR
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.
Emel: najmiah@unisza.edu.my